

Tahap Pengetahuan dan Kemahiran Guru dalam melaksanakan Aktiviti Muzik dan Pergerakan terhadap Kanak-Kanak Prasekolah

(Teacher's Level of Knowledge and Skills in Implementing Music and Movement Activities for Preschool Children)

Siti Balqis Amanina Masnan^{1*} , Suziyani Mohamed² 

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: balqis.masnan@gmail.com

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: suziyanimohamed@gmail.com

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Siti Balqis Amanina Masnan
(balqis.masnan@gmail.com)

KATA KUNCI:

Pengetahuan
Kemahiran
Muzik dan pergerakan
Prasekolah
Guru

KEYWORDS:

Knowledge
Skills
Music and movement
Preschool
Teacher

CITATION:

Siti Balqis Amanina Masnan & Suziyani Mohamed. (2023). Tahap Pengetahuan dan Kemahiran Guru dalam melaksanakan Aktiviti Muzik dan Pergerakan terhadap Kanak-Kanak Prasekolah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(3), e002194.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i3.2194>

ABSTRAK

Aktiviti muzik dan pergerakan boleh membantu dalam meningkatkan perkembangan kanak-kanak. Oleh itu, pengendalian aktiviti muzik dan pergerakan memerlukan guru yang berpengetahuan dan berkemahiran untuk menjamin peningkatan dalam perkembangan kanak-kanak. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan kemahiran guru dalam melaksanakan aktiviti muzik dan pergerakan untuk kanak-kanak prasekolah. Pendekatan kuantitatif berbentuk tinjauan digunakan dalam kajian ini dan data diperolehi melalui soal selidik yang melibatkan 75 orang guru prasekolah di daerah Bangsar Pudu, Kuala Lumpur. Sampel diperolehi dengan menggunakan pensampelan mudah. Perisian IBM *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 26.0 digunakan untuk menganalisis data. Dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan dan kemahiran guru dalam melaksanakan aktiviti muzik dan pergerakan adalah sederhana. Hasil analisis juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan dan kemahiran guru dalam melaksanakan aktiviti muzik dan pergerakan. Ini menjelaskan bahawa apabila pengetahuan guru tinggi, kemahiran guru dalam melaksanakan aktiviti muzik dan pergerakan juga tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa pentingnya pengetahuan dan kemahiran guru terhadap pelaksanaan aktiviti muzik dan pergerakan. Dengan bimbingan guru yang cemerlang dari aspek pengetahuan dan kemahiran, kanak-kanak akan dapat memperoleh ilmu serta dapat mengembangkan bakat dan potensi mereka. Maka, guru hendaklah mengambil inisiatif dan berusaha untuk meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran khususnya dalam melaksanakan aktiviti muzik dan pergerakan.

ABSTRACT

Music and movement activities can help in improving

children's development. Therefore, conducting music and movement activities requires a knowledgeable and skilled teacher to guarantee an improvement in the children's development. This study aims to identify the teacher's level of knowledge and skills in implementing music and movement activities for preschool children. A quantitative approach in the form of a survey was used in this study and data were obtained through a questionnaire that involved 75 preschool teachers in the Bangsar Pudu district, Kuala Lumpur. The sample was acquired by using convenience sampling. IBM Statistical Package for Social Science (SPSS) software version 26.0 was used to analyse the data. The findings showed that the teacher's level of knowledge and skills in implementing music and movement activities is moderate. The analysis results also showed that there is a significant relation between knowledge and skills in implementing music and movement activities. This explains that when the teacher's knowledge is high, the teacher's skills in implementing music and movement activities is also high. This shows that teachers' knowledge and skill are important in implementing music and movement activities. With the guidance of teachers who excel in knowledge and skills, children will be able to gain understanding and develop their talents and potential. Hence, teachers should take the initiative and strive to improve the level of knowledge and skills specifically in implementing music and movement activities.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai kepentingan aspek pengetahuan dan kemahiran guru dalam melaksanakan aktiviti muzik dan pergerakan terhadap kanak-kanak prasekolah.

1. Pengenalan

Perkembangan didefinisikan sebagai suatu proses pertumbuhan. Perkembangan-perkembangan yang terdapat pada diri manusia perlu dibentuk sejak lahir. Pada awal kelahiran, perkembangan kanak-kanak perlu diberi perhatian bagi melihat proses kemajuan mereka dari semasa ke semasa. Terdapat pelbagai aspek perkembangan yang perlu diambil berat, iaitu dari aspek perkembangan kognitif, bahasa, fizikal, sosial dan emosi. Perkembangan kanak-kanak perlu dikembangkan bagi membentuk kemahiran, potensi serta bakat yang terdapat dalam diri mereka.

Pengalaman awal juga amat penting bagi kanak-kanak untuk membentuk keperibadian diri mereka. Oleh itu, pendidikan awal kanak-kanak khususnya amat penting buat mereka bagi menerapkan unsur-unsur serta nilai-nilai murni yang positif. Dengan menyediakan pendidikan awal kanak-kanak yang optimum, kanak-kanak akan dapat meneroka serta memahami dunia fizikal dengan lebih baik. Pada masa yang sama, kanak-kanak dapat mengikuti sesi pembelajaran dengan menyeronokkan sekiranya kaedah pembelajaran yang bersesuaian dikendalikan, seperti pelaksanaan aktiviti muzik dan pergerakan.

Pelaksanaan aktiviti muzik dan pergerakan ini dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang positif (Mohamad Azam et al., 2019). Hal ini menunjukkan bahawa,

aktiviti muzik dan pergerakan boleh merangsang minat kanak-kanak dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Aktiviti muzik dan pergerakan juga boleh memberi peluang kepada kanak-kanak untuk meningkatkan perkembangan mereka. Misalnya, perkembangan motor dan muzik yang betul, perkembangan personaliti kanak-kanak yang harmoni, imaginasi, dan juga menyumbang kepada pengukuhan hubungan (Králová & Kołodziejski, 2016).

Dapat dilihat bahawa, pelaksanaan aktiviti muzik dan pergerakan ini dapat mengembangkan bakat dan potensi kanak-kanak. Aktiviti muzik dan pergerakan ini juga dilihat sebagai kaedah yang biasa digunakan untuk kanak-kanak prasekolah (Mohamad Azam et al., 2019). Hal ini menunjukkan bahawa aktiviti muzik dan pergerakan mempunyai banyak manfaat untuk kanak-kanak. Menurut kajian Young dan Ilari (2019), beberapa jenis aktiviti yang dicadangkan kepada guru melibatkan nyanyian, mendengar muzik dan penghayatan, bertindak balas kepada rentak dan irama dengan pergerakan kreatif, perkusi badan, bermain alat muzik, meneroka timbre dan kesan bunyi, serta improvisasi dan penciptaan dengan aksi bunyi dan badan (Bautista & Ho, 2022).

Walau bagaimanapun, terdapat kajian yang mengetengahkan isu berkaitan kesediaan guru khususnya dalam melaksanakan pendidikan muzik. Terdapat kajian-kajian yang menyatakan bahawa guru prasekolah dan sekolah rendah kurang kemahiran dalam pengajaran muzik (Augustine & Wong, 2016). Hal ini akan memberi permasalahan terhadap pelaksanaan aktiviti muzik dan pergerakan kerana, berdasarkan kajian Izumi-Taylor et al. (2012), kanak-kanak kecil seronok bergerak apabila mendengar muzik. Bukan itu sahaja, malah kajian Md Jais et al. (2021) menyatakan bahawa pengajaran dan pembelajaran muzik menjadi bosan dan pasif apabila pengajaran berasaskan pendekatan berpusatkan guru.

Sekiranya pembelajaran yang menyeronokkan ini berhadapan dengan kesediaan guru yang rendah, ia akan mewujudkan permasalahan dalam mengendalikan sesi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Bahkan kajian Vannatta-Hall (2010) juga ada menyatakan bahawa pengetahuan guru pendidikan awal kanak-kanak mempunyai had berkaitan keupayaan mereka untuk mengajar muzik kepada kanak-kanak. Lebih-lebih lagi bagi guru yang bukan bidang kepakaran mereka. Mereka akan mempunyai masalah dalam melaksanakan aktiviti muzik dan pergerakan dengan baik.

Bautista dan Ho (2022) pula berpendapat bahawa, pendedahan yang terhad kepada pengalaman pendidikan muzik dan pergerakan, termasuk aktiviti ekstra kurikulum, kursus pra-perkhidmatan, dan inisiatif pembangunan profesional serta peluang yang ada digunakan secara terhad mempunyai beberapa kesan negatif. Ini juga menunjukkan sekiranya guru mempunyai sedikit pengalaman dalam aktiviti muzik dan pergerakan, pelaksanaannya juga akan terjejas. Selain itu, ramai guru pendidikan awal kanak-kanak tidak menghargai dengan baik berkaitan peranan utama yang dimainkan oleh muzik dan pergerakan dalam perkembangan holistik kanak-kanak (Bautista & Ho, 2022).

Setiap guru prasekolah memerlukan pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Guru prasekolah hendaklah mempertingkatkan kesediaan guru dari aspek pengetahuan dan kemahiran sama ada guru pakar dalam bidang muzik atau luar daripada bidang. Hal ini merujuk kepada kajian Banu dan Mua'azam (2018) yang menyatakan bahawa, guru yang bukan pakar dalam bidang pengajaran dan pembelajaran perlu diberi perhatian dari segi kesediaan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif yang berikut:

- i. Mengenal pasti tahap pengetahuan guru terhadap pelaksanaan aktiviti muzik dan pergerakan
- ii. Mengenal pasti tahap kemahiran guru terhadap pelaksanaan aktiviti muzik dan pergerakan
- iii. Mengkaji hubungan antara pengetahuan dan kemahiran guru terhadap pelaksanaan aktiviti muzik dan pergerakan

2. Sorotan Literatur

2.1. Muzik dan pergerakan terhadap perkembangan kanak-kanak

Muzik memberi maksud gubahan bunyi yang menghasilkan bentuk serta irama yang indah sehingga menyenangkan untuk didengar, manakala bagi pergerakan pula, didefinisikan sebagai hasil bergerak atau perbuatan bergerak (Kamus Dewan, 2007). Aktiviti muzik dan pergerakan ini boleh memberi kesan kepada perkembangan kanak-kanak. Strategi pengajaran dan pembelajaran dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) ada mengemukakan bahawa muzik sebagai salah satu aktiviti pembelajaran yang boleh dilaksanakan terhadap kanak-kanak.

Menurut Augustine dan Wong (2016), banyak kajian telah menunjukkan kelebihan mengintegrasikan muzik dengan mata pelajaran lain, seperti literasi (Ng & Yeo, 2014) serta matematik (Geist, Geist, & Kuznik, 2012). Bukan itu sahaja, malah kesan penggunaan muzik dalam meningkatkan perkembangan kognitif kanak-kanak melalui kesedaran fonemik, berima, bunyi huruf, dan bahasa sentiasa diberi perhatian oleh pendidik, ibu bapa, penyelidik, dan sarjana untuk mengetahui tentangnya (Pogue, 2018). Apabila menggunakan muzik dan dipadankan dengan pergerakan, menurut Pogue (2018), kanak-kanak akan tertarik dan memberi tumpuan kepada kandungan. Dapat dilihat bahawa, melalui aktiviti muzik dan pergerakan, kanak-kanak dapat meningkatkan perkembangan kognitif apabila kanak-kanak mula berminat serta memberi tumpuan sepenuhnya terhadap sesi pembelajaran.

Kajian dengan menggunakan sampel kecil seperti kajian Peery (1993) dan Perry (1999) telah mencadangkan bahawa pengalaman muzik dan pergerakan dikaitkan dengan peningkatan kecekapan perkembangan yang lebih luas, termasuk kemahiran bahasa kanak-kanak (Yazejian & Peisner-Feinberg, 2009). Hal ini menunjukkan bahawa, aktiviti muzik dan pergerakan juga boleh meningkatkan perkembangan bahasa kanak-kanak. Ia bertepatan dengan kajian Loell (2010) yang menyatakan bahawa penggunaan muzik dan pergerakan di dalam bilik darjah tadika membantu semua kanak-kanak memperoleh corak pertuturan dan bahasa serta meningkatkan tahap penglibatan pelajar.

Selain itu, apabila menyertakan pergerakan sekali, kanak-kanak dapat meningkatkan perkembangan fizikal dengan menggunakan koordinasi, tangan, kaki, kepala atau seluruh anggota badan. Jensen (2018) juga berpendapat bahawa, sekiranya murid mengambil bahagian dalam muzik dan pergerakan, mereka mengembangkan kemahiran motor kecil, kemahiran motor besar, belajar untuk menyatakan emosi, dan meningkatkan keseimbangan dan koordinasi. Hal ini menunjukkan bahawa aktiviti muzik dan pergerakan membantu dalam membentuk otot-otot kanak-kanak tersebut.

Kanak-kanak bukan sahaja mendengar muzik, tetapi juga mengalami reaksi emosi terhadapnya, dan ini mendorong kepada pergerakan (Izumi-Taylor et al., 2012). Ini

menunjukkan bahawa kanak-kanak berpeluang untuk menikmati pergerakan bersama muzik. Aktiviti muzik dan pergerakan juga tidak terkecuali dalam meningkatkan serta membentuk perkembangan sosial dan emosi. Menurut kajian [Gudmundsdottir \(2017\)](#), muzik ini dijadikan sebagai medium komunikasi dan dapat mengawal emosi serta memudahkan ikatan sosial pada semua peringkat umur. Kanak-kanak juga akan dapat memperoleh pengetahuan dalam memahami emosi yang berlainan.

Dapat disimpulkan bahawa, aktiviti muzik dan pergerakan ini membantu kanak-kanak dari aspek perkembangan kognitif, bahasa, fizikal, sosial dan emosi. Kanak-kanak dapat menggunakan kreativiti, membentuk perkembangan serta memperoleh ilmu pengetahuan melalui pergerakan kreatif dengan cara yang menyeronokkan. Oleh itu, sebagai seorang guru prasekolah, hendaklah mempunyai kesediaan yang tinggi serta mencukupi untuk melaksanakan aktiviti muzik dan pergerakan bagi menjamin perkembangan kanak-kanak.

2.2. Pengetahuan dan Kemahiran

Aktiviti muzik dan pergerakan menyumbang kepada kesan yang positif terhadap perkembangan kanak-kanak. Walau bagaimanapun, pengendalian aktiviti muzik dan pergerakan memerlukan seorang guru yang berpengetahuan dan berkemahiran bagi menjamin peningkatan dalam perkembangan kanak-kanak. Kesediaan guru sangat memainkan peranan yang penting untuk murid-murid memperoleh ilmu pengetahuan dengan cemerlang. Guru yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi akan dapat mengemukakan pembelajaran awal yang cemerlang. Oleh itu, dengan garis panduan yang telah dibina bagi menyediakan pendidikan prasekolah yang optimum dapat dilaksanakan.

Kajian [Nahar dan Safar \(2018\)](#) menghuraikan bahawa, pengetahuan pedagogi, pengetahuan teknik dan kaedah pengajaran, pengetahuan merancang dan melaksanakan pengajaran adalah antara pengetahuan yang perlu dititikberatkan oleh guru ([Manibarathi & Muhammad Sofwan, 2022](#)). Hal ini menunjukkan bahawa, guru memerlukan pengetahuan yang meluas dari pelbagai aspek. [Nur Athirah dan Faridah \(2017\)](#) juga menyatakan bahawa terdapat dua aspek yang amat penting sebelum seseorang guru boleh mengajar dengan efektif, iaitu pengetahuan mengenai isi kandungan dan juga ilmu pedagogi.

Selain itu, menurut [Noraini \(2021\)](#), kajian [Kamarul Azmi dan Ab. Halim \(2007\)](#), serta kajian [Ab. Halim Tamuri \(2010\)](#) menekankan bahawa, kemahiran dalam mengajar merangkumi aktiviti perancangan, pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran, penyampaian, bimbingan serta pengukuhan, dimana ia bertujuan untuk menyalurkan ilmu pengetahuan atau kemahiran kepada murid-murid dengan berkualiti. Hal ini juga menunjukkan bahawa, guru memerlukan kemahiran untuk melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan.

Kajian [Altinkaynak et al. \(2012\)](#), [Kim dan Kemple \(2011\)](#) dan [Rajan \(2017\)](#), mendapati bahawa tahap persediaan guru dalam muzik dan pergerakan cenderung ke arah yang rendah dalam bidang pendidikan tadika ([Bautista & Ho, 2021](#)). Hal ini mendorong pelaksanaan kajian yang memfokuskan terhadap kesediaan guru dari aspek pengetahuan dan kemahiran. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap pengetahuan dan kemahiran serta hubungan antara kedua-dua aspek dalam melaksanakan aktiviti muzik dan pergerakan terhadap kanak-kanak prasekolah.

3. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk tinjauan. Responden kajian adalah daripada 67 buah prasekolah di Daerah Bangsar Pudu, Kuala Lumpur. Hal ini bagi memperoleh maklumat responden dengan lebih terperinci. Responden kajian dipilih secara pensampelan mudah daripada populasi seramai 91 orang guru prasekolah. Saiz sampel ditentukan menggunakan perisian Raosoft 2004. Seramai 75 orang guru prasekolah di Daerah Bangsar Pudu telah menyertai kajian ini.

Jadual 1 menunjukkan maklumat demografi responden seramai 75 orang yang meliputi maklumat jantina, umur, kaum, tahap pendidikan dan pengalaman mengajar. Hasil kajian menunjukkan bahawa bilangan responden perempuan iaitu seramai 70 orang (93.3%) melebihi bilangan responden lelaki yang hanya seramai 5 orang (6.7%) sahaja. Penyertaan responden sebahagian besar adalah dalam kalangan umurnya 36 hingga 45 tahun iaitu seramai 46 orang (61.3%), minoritinya adalah dalam lingkungan umur 18 hingga 25 tahun iaitu seramai 4 orang (5.3%). Kaum Melayu seramai 55 orang (73.3%) merupakan responden yang paling ramai dalam menyertai kajian ini. Kebanyakan responden yang turut serta dalam kajian ini mempunyai tahap pendidikan pada peringkat ijazah sarjana muda iaitu seramai 65 orang (86.7%). Responden-responden ini juga majoritinya telah mempunyai pengalaman mengajar selama 11 hingga 20 tahun iaitu seramai 44 orang (58.7%).

Jadual 1: Maklumat Demografi Responden

Demografi Responden (N=75)	Perihal	Kekerapan (n)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	5	6.7
	Perempuan	70	93.3
Umur	18 – 25 tahun	4	5.3
	26 – 35 tahun	12	16.0
	36 – 45 tahun	46	61.3
	46 tahun ke atas	13	17.3
Kaum	Melayu	55	73.3
	Cina	9	12.0
	India	9	12.0
	Lain-lain	2	2.7
Tahap Pendidikan	SPM	0	0
	STPM/Diploma	3	4.0
	Ijazah Sarjana Muda	65	86.7
	Sarjana	7	9.3
	Lain-lain	0	0
	Pengalaman Mengajar	1 – 5 tahun	5
	6 – 10 tahun	12	16.0
	11 – 20 tahun	44	58.7
	21 tahun ke atas	12	16.0
	Lain-lain	2	2.7
	Jumlah	75	100

Instrumen kajian bagi kajian ini melibatkan penggunaan soal selidik. Soal selidik yang digunakan telah diadaptasi serta diubahsuai bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan aktiviti muzik dan pergerakan. Item bahagian tahap pengetahuan guru diadaptasi daripada instrumen kajian [Augustine dan Wong \(2016\)](#), manakala item bahagian kemahiran pula diadaptasi daripada instrumen kajian [Azalida dan Norazilawati \(2018\)](#). Maklumat demografi responden juga diperolehi melalui soal selidik. Soalan-soalan di dalam soal selidik yang digunakan adalah berbentuk pernyataan yang positif. Skala Likert lima mata pula digunakan sebagai respons bagi pernyataan-pernyataan tersebut.

Data telah dianalisis dengan menggunakan perisian *IBM Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 26.0. Faktor kebolehpercayaan diuji dengan menggunakan kaedah *Cronbach's Alpha*. Hasil dapatan menunjukkan instrumen kajian mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi, ($r = 0.954$). Data analisis statistik deskriptif dan analisis statistik inferensi digunakan dalam penganalisan data bagi menjawab persoalan kajian.

4. Hasil Kajian

4.1. Tahap Pengetahuan dan Tahap Kemahiran Guru terhadap Pelaksanaan Aktiviti Muzik dan Pergerakan

[Jadual 2](#) adalah ringkasan analisis tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru terhadap pelaksanaan aktiviti muzik dan pergerakan. [Jadual 2](#) menunjukkan aspek pengetahuan dan kemahiran berpandukan nilai skor min dan sisihan piawai. Hasil analisis bagi aspek pengetahuan menunjukkan bahawa nilai skor min, $M = 3.51$, sisihan piawai, $SP = 0.62$. Bagi aspek kemahiran pula menunjukkan nilai skor min, $M = 3.23$, sisihan piawai, $SP = 0.77$.

Jadual 2: Analisis tahap pengetahuan dan kemahiran

Perihal	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)
Pengetahuan	3.51	0.62
Kemahiran	3.23	0.77

4.2. Hubungan antara Pengetahuan dan Kemahiran Guru terhadap Pelaksanaan Aktiviti Muzik dan Pergerakan

Bagi mengkaji hubungan antara pengetahuan dan kemahiran guru terhadap pelaksanaan aktiviti muzik dan pergerakan, ujian korelasi *Spearman* digunakan selepas data dilihat tidak berdistribusi secara normal. [Jadual 3](#) adalah hasil analisis hubungan antara pengetahuan dan kemahiran guru terhadap pelaksanaan aktiviti muzik dan pergerakan.

Jadual 3: Hubungan antara pengetahuan dan kemahiran

		Pengetahuan	Kemahiran
Pekali <i>Spearman</i>	Pengetahuan	Pekali Korelasi	1.000
		Signifikan	.792**
	Kemahiran	Pekali Korelasi	.792**
		Signifikan	1.000

* Signifikan diuji pada aras 0.01

Jadual 3 menunjukkan hasil analisis korelasi *Spearman* antara pengetahuan dan kemahiran adalah amat tinggi. Keputusan analisis ini menunjukkan bahawa hubungan antara pengetahuan dan kemahiran adalah signifikan ($r = 0.792$, $p < 0.01$). Hal ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan dan kemahiran guru terhadap pelaksanaan aktiviti muzik dan pergerakan.

5. Perbincangan

5.1. Tahap Pengetahuan Guru terhadap Pelaksanaan Aktiviti Muzik dan Pergerakan

Hasil dapatan kajian yang melibatkan 75 orang responden menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru terhadap pelaksanaan aktiviti muzik dan pergerakan adalah sederhana. Hal ini menunjukkan bahawa masih terdapat guru yang tidak menguasai ilmu pengetahuan yang secukupnya terhadap pelaksanaan aktiviti muzik dan pergerakan. Kajian [Gatuyu \(2015\)](#) menyatakan, walaupun telah terbukti secara empirikal daripada kajian [Jenkins \(1994\)](#) dan [Jackman \(1997\)](#), berkaitan muzik dan pergerakan sebagai teknik pengajaran dan pembelajaran, serta menyokong secara positif kepada pembelajaran yang berkesan, tetapi guru secara konsisten tidak berjaya dalam menerima teknik tersebut. Hal ini merujuk kepada kurangnya pengetahuan guru dalam aktiviti muzik dan pergerakan, serta tidak mendalami dan meneroka tentang manfaatnya kepada kanak-kanak.

Pengetahuan yang menyeluruh amat diperlukan oleh guru bagi menjalankan tanggungjawab sebagai seorang pendidik. Guru prasekolah merupakan penyalur ilmu bagi kanak-kanak, bahkan juga mereka adalah individu yang membantu dalam proses perkembangan kanak-kanak. Menurut [Abdul Halim et al. \(2019\)](#), model pengajaran berkualiti guru mempunyai beberapa aspek yang signifikan iaitu pengetahuan, kemahiran serta sikap pengajaran. Hal ini menunjukkan bahawa pengetahuan juga merupakan salah satu aspek penting untuk guru meningkatkan kualiti pengajaran mereka.

5.2. Tahap Kemahiran Guru terhadap Pelaksanaan Aktiviti Muzik dan Pergerakan

Hasil dapatan bagi tahap kemahiran guru terhadap pelaksanaan aktiviti muzik dan pergerakan adalah sederhana. Hal ini menunjukkan bahawa guru masih tidak menguasai kemahiran mereka dalam melaksanakan aktiviti muzik dan pergerakan. Guru yang mempunyai kemahiran dalam pengajarannya, menghubungkan ilmu pengetahuan, kemahiran serta nilai sewaktu mengajar merupakan sifat-sifat guru yang berkesan ([Noraini, 2021](#)). Hal ini menunjukkan bahawa kemahiran juga merupakan aspek penting dalam melaksanakan pengajaran yang berkualiti. Ia juga menunjukkan betapa cemerlangnya seseorang guru apabila mempunyai kemahiran yang mencukupi.

Kajian [Mohd Sham et al. \(2018\)](#) juga mendorong guru supaya memaksimumkan kemahiran dan pengalaman mengajar mereka bagi melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang efektif di dalam kelas ([Md Jais et al., 2021](#)). Kemahiran juga diperlukan secara menyeluruh bagi guru dan bukan hanya sekadar kemahiran dalam mengajar. Guru amat memerlukan kemahiran dalam mempengaruhi kanak-kanak untuk menyertai sesi pengajaran dan pembelajaran dengan baik. Tanpa guru yang mahir

dalam melaksanakan aktiviti muzik dan pergerakan, sesi pengajaran dan pembelajaran akan kurang berkesan serta tidak menghiburkan bagi kanak-kanak.

5.3. Hubungan antara Pengetahuan dan Kemahiran Guru terhadap Pelaksanaan Aktiviti Muzik dan Pergerakan

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan dan kemahiran guru terhadap pelaksanaan aktiviti muzik dan pergerakan. Hal ini menjelaskan bahawa apabila pengetahuan guru tinggi, maka kemahiran guru terhadap pelaksanaan aktiviti muzik dan pergerakan juga adalah tinggi. Pengetahuan dan kemahiran merupakan aspek yang memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan kualiti pengajaran guru. Pengetahuan dan kemahiran juga amat diperlukan oleh guru dalam mengendalikan sesi pengajaran dan pembelajaran yang cemerlang.

[Kementerian Pelajaran Malaysia \(2010\)](#) menyatakan bahawa, guru hendaklah peka dalam keperluan pedagogi dengan menyediakan diri mereka dari aspek pengetahuan dan kemahiran yang baru serta bersesuaian dengan murid ([Abdul Halim et al., 2019](#)). Hal ini merujuk kepada kepentingan dalam meningkatkan pengetahuan serta kemahiran guru terhadap pelaksanaan aktiviti muzik dan pergerakan. Sama ada daripada kalangan guru yang baharu, mahupun guru yang lama atau guru yang bukan pakar dalam bidang dan sebaliknya, hendaklah sentiasa bersedia dalam aspek pengetahuan dan kemahiran.

6. Implikasi dan Cadangan

Hasil kajian mendapati tahap pengetahuan dan kemahiran adalah pada tahap yang sederhana. Oleh itu, terdapat beberapa implikasi dan cadangan dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru khususnya guru prasekolah dalam melaksanakan aktiviti muzik dan pergerakan.

Sebagai seorang guru prasekolah, hendaklah sentiasa mengambil inisiatif untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam menyampaikan ilmu kepada generasi baru. Dengan bimbingan guru yang cemerlang, kanak-kanak akan dapat memperoleh ilmu yang bermanfaat serta dapat mengembangkan bakat dan potensi mereka. Hal ini kerana, guru prasekolah adalah individu yang membimbing kanak-kanak dalam menguasai tahap perkembangan mereka di sekolah. Guru prasekolah bukan hanya diperlukan untuk mengajar, tetapi hendaklah bijak serta mahir dalam mengendalikan sesi pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan. Kualiti pengajaran guru juga mempengaruhi kanak-kanak dari pelbagai aspek. Oleh itu, guru prasekolah amat memerlukan pengetahuan dan kemahiran dalam mendekati kanak-kanak untuk merangsang minat mereka supaya mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, pengetahuan dan kemahiran yang tinggi membantu dalam merancang sesi pengajaran dan pembelajaran yang efektif. Kepentingan memantapkan pengetahuan dan kemahiran ini bukan hanya diperlukan oleh guru baharu, malah guru lama juga disarankan untuk mendalami serta meneroka mengenai pelaksanaan aktiviti muzik dan pergerakan. Hal ini kerana, guru prasekolah akan lebih memahami aspek-aspek yang penting dalam melaksanakan aktiviti muzik dan pergerakan terhadap perkembangan kanak-kanak. Sekiranya, guru prasekolah mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang cemerlang, teknik pengajaran dalam melaksanakan aktiviti muzik dan pergerakan juga dapat memberi impak yang positif kepada kanak-kanak. Bukan itu sahaja, malah kanak-

kanak akan seronok dan minat untuk mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran sepanjang waktu.

Pihak sekolah juga akan berhadapan dengan implikasi sekiranya guru meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan aktiviti muzik dan pergerakan. Tahap penguasaan serta perkembangan murid akan turut meningkat kerana penyampaian pengajaran oleh guru yang cemerlang. Oleh itu, pihak sekolah hendaklah menjalankan tanggungjawab mereka untuk menyokong guru prasekolah dalam meningkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran. Pihak sekolah disarankan membimbing guru dengan cara menyediakan program dan kursus khususnya mengenai pelaksanaan aktiviti muzik dan pergerakan terhadap kanak-kanak prasekolah. Dengan adanya kerjasama dari pihak sekolah, guru akan turut bersemangat dalam memperhebatkan lagi pengetahuan dan kemahiran mereka.

7. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, guru haruslah memupuk semangat yang tinggi dalam memperbaiki serta memperhebatkan pengetahuan dan kemahiran. Guru juga hendaklah berusaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam mengendalikan aktiviti muzik dan pergerakan. Sama ada guru baharu dan bukan pakar dalam bidang tersebut mahupun sebaliknya, guru seharusnya memperoleh ilmu pengetahuan dan kemahiran bagi melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran yang efektif. Pihak-pihak yang berkenaan juga hendaklah bekerjasama dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru khususnya terhadap pelaksanaan aktiviti muzik dan pergerakan bagi menjamin masa hadapan dan perkembangan kanak-kanak.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua responden kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada responden kajian yang memberikan kerjasama sepanjang menjalankan kajian dan menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan terhadap penerbitan kajian.

Rujukan

- Abdul Halim Masnan, Nur Ellina Anthony, & Nur Arifah Syahindah Zainudin. (2019). Pengetahuan pengajaran dalam kalangan guru prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 8, 33-41.
- Ab. Halim Tamuri, M. K. (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim. *Jurnal of Islamic and Arabic Education*, 2(1), 2010, 14.
- Altinkaynak, S. O., Aydos, E. H., & Akman, B. (2012). The views of teachers and managers about art, music and drama activities carried out by in-field-teachers in early childhood education institutions. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 46, 2040-2045.
- Augustine, C., & Wong, C. (2016). Music Teaching Readiness among Non-Specialised Music Teachers in Government Preschools. *Malaysian Journal of Music*, 5(2), 54-69.
- Azalida Tajudin & Norazilawati Abdullah. (2018). Kesediaan Guru Sains Sekolah Rendah Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Abad ke-21. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, 8(1), 82-97.
- Banu, R. & Mua'azam Muhamad. (2018). Kesediaan guru luar bidang terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris Dalam Bilik Darjah. *Seminar Kebangsaan Pdpc Abad 21*.
- Bautista, A. & Ho, Y. L. (2021). Music and movement teacher professional development: An interview study with Hong Kong kindergarten teachers. *Australasian Journal of Early Childhood*, 1-15.
- Bautista, A. & Ho, Y. L. (2022). Music and movement in Hong Kong kindergartens: teachers' preparation, perceived usefulness, confidence, and readiness. *Revista Electrónica Complutense de Investigación en Educación Musical*, 19, 15-25.
- Gatuyu, C. (2015). Factors Influencing ECDE Teachers in Teaching Music and Movement. *SSRN Electronic Journal*, 1-42.
- Geist, K., Geist, E., & Kuznik, K. (2012). The patterns of music: Young children learning mathematics through beat, rhythm, and melody. *YC Young Children*, 67(1), 74-79.
- Gudmundsdottir, H. R. (2017). The Importance of Music in Early Childhood Perspectives from Research and Practice. *Perspectives: Journal of the Early Childhood Music and Movement Association*, 12(3), 1-11.
- Izumi-Taylor, S., Morris, V. G., Meredith, C. D., & Hicks, C. (2012). Music and Movement for Young Children's Healthy Development. *Dimensions of Early Childhood*, 40(2), 33-40.
- Jackman, H. L. (1997). *Early education curriculum: A Child's connection to the world*. New York: Delmar Publishers.
- Jenkins, L. (1994). *A Practical guide to early childhood curriculum (5th ed.)*. New York: Macmillan College Publishing Company.
- Jensen, J.M. (2018). *Effect of Music and Movement on Recognition of Sight Words of Kindergarten Students*. [Master's thesis, Minnesota State University Moorhead].
- Kamus Dewan. (2007). (Edisi ke-4.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2010). *Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM)*. Kementerian Pelajaran Malaysia
- Kim, H. K., & Kemple, K. M. (2011). Is music an active developmental tool or simply a supplement? Early childhood preservice teachers' beliefs about music. *Journal of Early Childhood Teacher Education*, 32(2), 135-147.

- Králová, E & Kolodziejski, M. (2016). Music and Movement Activities for Preschool Children To Promote Relationships and Movement Expression. *Edukacja Elementarna w Teorii i Praktyce*, 11(3), 185-205.
- Loell, S. A. (2010). *Engaging every student: Music, Movement, and Language in the kindergarten classroom*. [Master's thesis, California State University, Sacramento].
- Manibarathi Nagaretnam & Muhammad Sofwan Mahmud. (2022). Kediaan Guru dan Keberkesanan Pelaksanaan Pengajaran Matematik Abad Ke-21 di Sekolah Rendah: Sebuah Tinjauan Literatur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7 (11), 1-14.
- Md Jais Ismail, Loo, Fung Chiat, & Azu Farhana Anuar. (2021). Learning music through rhythmic movements in Malaysia. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 18(1), 241-263.
- Mohamad Azam Samsudin, Kamariah Abu Bakar, & Norhayati Mohd Noor. (2019). The Benefits of Music and Movement in Early Mathematics. *Creative Education*, 10, 3071-3081.
- Mohd Sham, K., Maimun, A. L., Norhayuza, M., Aini Akmar, M. K., & Md Jais, I. (2018). A review of teaching reading Arabic text: Cultivating curiosity for gifted students in the classroom. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization*, 2(2), 59-74.
- Nahar, N., & Safar, J. (2018). Penguasaan Pengetahuan Kandungan Pemangkin Keterampilan Pedagogi Jawi Berkesan Abad Ke - 21. *Jurnal Teknikal & Sains Sosial*, 8(1), 45-59.
- Ng, P. F., & Yeo, K. J. (2014). Preschool Teachers' Beliefs and Practices on Early Literacy Instruction. *Sains Humanika*, 2(4), 139-146.
- Noraini Ab. Rashid. (2021). *Amalan Pembelajaran Berasaskan Projek Dalam Kalangan Guru Prasekolah Satu Kajian Kes*. [Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Nur Athirah Ariffin & Faridah Yunus. (2017). Kediaan guru prasekolah dalam melaksanakan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran. *Simposium Pendidikan diPeribadikan: Perspektif Risalah An-Nur (SPRiN2017)*.
- Peery, J. C. (1993). Music in early childhood education. In B. Spodek (Ed.), *Handbook of research on the education of young children* (pp. 207–224). New York: Macmillan.
- Perry, B. D. (1999). *Positive developmental effects of a brief music and movement program at a public pre-school: A pilot project of the Neighborhood Arts Enrichment Program*. Unpublished report, ChildTrauma Programs, Department of Psychiatry and Behavioral Sciences, Baylor College of Medicine, Texas Children's Hospital.
- Pogue, B.B. (2018). *Using Music and Movement to Enhance Cognitive Development*. [Master's thesis, Northwestern College].
- Rajan, R. S. (2017). Preschool teachers' use of music in the classroom: A survey of park district preschool programs. *Journal of Music Teacher Education*, 27(1), 89-102.
- Vannatta-Hall, J. E. (2010). *Music Education in Early Childhood Teacher Education: The Impact of a Music Methods and Course on Pre-service Teacher Perceived Confidence and Competence to teach music*. [Doctoral dissertation, University of Illinois].
- Yazejian, N. & Peisner-Feinberg, E. S. (2009). Effects of a Preschool Music and Movement Curriculum on Children's Language Skills. *NHSA Dialog: A Research-to-Practice Journal for the Early Childhood Field*, 12(4), 327-341.
- Young, S., & Ilari, B. (Eds.). (2019). *Music in early childhood: multi-disciplinary perspectives and inter-disciplinary exchanges*. Springer Nature.